

**Generasi Muda Melayu Perlu Miliki Jati Diri Kental Harungi Cabaran – Rais Bernama
Julai 26, 2011**

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Kehebatan budaya dan pentadbiran pemerintahan Melayu yang merupakan empayar besar suatu ketika dahulu perlu diperjelaskan kepada generasi muda bagi melahirkan individu yang kental, kata Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata generasi muda terutamanya orang Melayu perlu memiliki jati diri yang kental untuk mengharungi ujian dan pancaroba kerana bangsa Melayu terdahulu adalah hebat dari segi tamadunya.

Tanpa jati diri maka sudah tentu sesuatu bangsa itu akan hancur dan musnah, katanya dalam ucapan majlis makan malam meraikan peserta ekspedisi Program Ekspedisi Jejak Warisan Jawi yang menjelajah tujuh buah negara di Asean dan China, di sini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Setiausaha Bahagian Muzik Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Salehuddin Md Salleh.

"Kesedaran tentang kehebatan warisan Melayu ini perlu dipupuk kepada muda-mudi betapa leluhur mereka zaman dahulu adalah sangat hebat dan gemilang di mata dunia.

"Dengan kesedaran itu, ia akan melahirkan individu berjiwa kental dan bersemangat untuk mempertahankan dan mendaulatkan tanah airnya dari ancaman pihak tertentu yang sentiasa iri hati dengan kemakmuran Malaysia," katanya.

Mengenai ekspedisi itu, Rais berkata tujuan ekspedisi itu adalah selari dengan tanggungjawab kementerian yang sentiasa memartabatkan perihal warisan dan kebudayaan.

Ekspedisi itu menjelajah laluan sejauh 10,000km melibatkan tujuh negara -- Malaysia, Thailand, Kemboja, Vietnam, Laos, China dan Myanmar -- untuk menjejaki warisan Melayu selama 25 hari mulai 24 Mei.

-- BERNAMA